

# Taubat bukan hanya di mulut

ar-rakyat

Oleh HASHNAN  
ABDULLAH  
agama@utusan.  
com.my



**D**ALAM Islam, pintu taubat adalah paling luas. Dikatakan keluasan pintu itu antara langit dengan bumi tetapi akan tertutup rapat apabila nyawa manusia berada pada halkumnya (nazak) dan matahari terbit sebelah barat.

Keluasan pintu taubat itu menunjukkan bahawa Allah SWT tidak pernah jemu untuk mengampunkan hamba-hamba-Nya dan ini sejajar dengan firman-Nya yang bermaksud: *"Hai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubat yang sebenar."* (At-Tahrim:8).

Namun begitu, usaha bertaubat termasuk taubat Nasuha tidak seharusnya terhenti setakat keinginan atau azam untuk tidak mengulanginya pada masa-masa akan datang.

Mengulas mengenai apa yang dimaksudkan dengan taubat, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli al Bakri menarik perhatian umum dengan menyatakan bahawa langkah baiknya, jika inisiatif keinsafan itu turut disertai dengan usaha mempelajari ilmu daripada



ZULKIFLI AL-BAKRI

guru-guru muktabar secara berterusan.

Ini kerana beliau yang ditemui dalam satu majlis di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Kuala Lumpur, baru-baru ini, percaya kekuatan ilmu tersebut mampu memperkasa iman seseorang Muslim tersebut sepanjang masa.

Kenyataan itu sememangnya bertepatan dengan fitrah manusia yang serba lemah. Manusia senang digoda oleh iblis atau syaitan untuk terus membuat dosa, termasuk yang sama secara berulang kali.

Antara penyebabnya adalah latar persekitaran manusia hari ini. Kebenaran yang ditonjolkan oleh Islam, walaupun berasaskan dalil al-Quran dan hadis Nabi SAW sering ditewaskan oleh ganjaran duniawi.

Usaha bertaubat termasuk taubat Nasuha tidak seharusnya terhenti setakat keinginan atau azam untuk tidak mengulanginya pada masa-masa akan datang."

Sejarah membuktikan bahawa duit, pangkat, kedudukan dan ganjaran-ganjaran lain duniawi akan didambakan terlebih dahulu. Apa sahaja kata orang lain, termasuk ulama tidak lagi menjadi penting.

Seolah-olah rasa malu tiada lagi dalam kamus kehidupan harian. Bukan hanya dengan sesama manusia tetapi lebih menakutkan apabila rasa malu kepada Allah SWT turut hilang begitu sahaja.

Justeru, usaha mempelajari dan mendalami ilmu perlu diberikan keutamaan supaya umat Islam tetap berpegang kepada kebenaran, sekali pun kita merasakan kebatilan itu enak dan lumayan.

Kekuatan ilmu itu juga berupaya menjadikan seseorang Muslim itu selari dengan apa yang dikatakan oleh Sayidina Umar al-Khattab r.a. bahawa kembali kepada kebenaran adalah jauh lebih baik daripada berterusan berada dalam kebatilan.

Malah, kemantapan ilmu akan membolehkan seseorang Muslim itu meninggalkan perkara atau perbuatan yang berunsur syirik, khurafat dan bidaah.

Atau dengan ilmu seseorang Muslim tersebut berupaya meletakkan satu sempadan yang dia tidak akan melintas kerana amat menyedari tentang bahana apabila Allah SWT mula murka.

**TAUBAT** perlu  
disusuli dengan usaha  
mendalami ilmu agama.  
-GAMBAR HIASAN

